

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ROBERT LAWSON CHUAT
KAWASAN : BETONG
TARIKH : 14 DISEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN NO. 39

minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan langkah-langkah bagi memastikan keadaan jalan raya di Malaysia ini sentiasa selamat untuk digunakan, bagi mengelakkan kemalangan jalan raya yang berpunca daripada struktur jalan raya yang rosak .

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian amat mengambil berat akan isu keselamatan jalan raya khususnya di Jalan Persekutuan seluruh negara. Bagi maksud tersebut dan sebagai langkah jangka pendek, Kementerian ini melalui Program Menaiktaraf Infrastruktur Keselamatan Jalan Raya di bawah skop kerja merawat dan memperelok lokasi kerap berlaku kemalangan, pihak Kementerian dan JKR akan mengenal pasti dan memperbaiki lokasi kerap berlaku kemalangan di jalan raya Persekutuan tersebut yang dikenali sebagai kawasan *blackspots* untuk mengurangkan kemalangan yang disebabkan oleh faktor kejuruteraan jalan.

Bagi rekod pembaikan *blackspots* yang telah dilaksanakan di jalan – jalan Persekutuan seluruh negara dalam Rancangan Malaysia ke-11, sebanyak **113** lokasi telah dilaksanakan pembaikan pada tahun 2017 hingga 2019. Manakala pada tahun 2020 pula, sebanyak 50 lokasi disasarkan untuk dibaikpulih yang menjadikan keseluruhan lokasi sebanyak **163 lokasi**. Pembaikan ini bersifat *low cost solution but high impact* (dengan izin).

Pemantauan akan terus dilaksanakan pada setiap masa oleh pihak Kementerian dan Jabatan Kerja Raya di kawasan *blackspots* yang telah dibuat rawatan disamping mengenalpasti lokasi - lokasi baru *blackspots* di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja penyenggaraan Jalan Persekutuan di seluruh Malaysia dilaksanakan oleh pihak konsesi yang telah dilantik oleh Kementerian Kerja Raya. Pelaksanaan kerja-kerja penyenggaraan ini adalah di bawah pengawasan sepenuhnya oleh pihak JKR Malaysia, JKR Sabah dan JKR Sarawak iaitu pihak yang telah dilantik sebagai wakil kerajaan.

NO SOALAN : 39

Skop utama kerja – kerja penyenggaraan jalan yang dilaksanakan adalah terdiri daripada penyenggaraan rutin (sepanjang tahun), berkala pavemen, berkala bukan pavemen, penyenggaraan jambatan, penyenggaraan lampu jalan dan lampu isyarat serta kerja-kerja kecemasan. Kementerian ini telah memperuntukkan sebanyak RM400 juta setiap tahun bagi pelaksanaan kerja-kerja penyenggaraan rutin. Manakala peruntukan bagi penyenggaraan berkala pavemen dan berkala bukan pavemen pula, sebanyak RM 674 juta telah diperuntukkan sepanjang tahun 2020.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sentiasa berusaha dari semasa ke semasa untuk memastikan jalan persekutuan di negara ini berada dalam keadaan selamat dan selesa. Justeru, Kementerian sentiasa memperkasakan dasar-dasar sediaada dan mewujudkan dasar-dasar baharu serta program-program penyenggaraan Jalan Persekutuan di bawah program penyenggaraan berkala sama ada penyenggaraan berkala pavemen mahupun penyenggaraan berkala bukan pavemen. Namun begitu, pelaksanaan program penyenggaraan berkala ini adalah tertakluk kepada senarai keutamaan negeri dan juga kelulusan peruntukan oleh Kementerian Kewangan.

Sekian, terima kasih.